

## KEJOHANAN BOLA TAMPAR ALUMNI VETERAN ANTARA UNIVERSITI AWAM MALAYSIA 2018 (AVUA'18)



Pada 20 Oktober 2018, Pusat Perhubungan Alumni UKM (ALUMNI-UKM) telah berjaya menganjurkan Kejohanan Bola Tampar Alumni Veteran Antara Universiti Awam Malaysia 2018 (AVUA'18). Kejohanan ini telah berlangsung di Dewan Gemilang UKM. Penganjuran kali pertama AVUA'18 telah berjaya menarik penyertaan daripada 7 buah pasukan yang melibatkan 84 orang alumni veteran. Pasukan yang terlibat terdiri daripada pasukan dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Pusat Pendidikan Persediaan, Institut Teknologi Mara (ITM). Johan AVUA'18 telah disandang oleh pasukan dari Universiti Utara Malaysia dan tempat kedua disandang oleh pasukan tuan rumah iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia. AVUA'18 bakal menjadi kejohanan tahunan yang akan dianjurkan oleh pusat perhubungan alumni universiti yang terlibat. Selain menjadi medium untuk merapatkan hubungan antara alumni universiti awam, AVUA'18 juga berjaya mencapai objektifnya untuk memastikan alumni sentiasa bersukan dan bersenam.

## BICARA ALUMNI : Kapten Faiz, Alumni UKM Nakhoda Pasukan Kriket Malaysia

ENCIK AHMAD FAIZ BIN MOHAMMAD NOOR (FPEND 2014)



Pusat Perhubungan Alumni UKM telah menjemput Encik Ahmad Faiz Bin Mohammad Noor (Fakulti Pendidikan 2014) sebagai jemputan ke program Bicara Alumni pada 24 Oktober 2018. Encik Ahmad Faiz merupakan Kapten Pasukan Kriket Malaysia. Bertempat di Auditorium Siswa, Kapten Faiz telah berkongsi berkenaan pengalaman pahit dan manis beliau semasa menjadi mahasiswa kepada hampir 200 orang pelajar UKM. Kapten Faiz yang kini merupakan seorang guru di Sekolah Sukan Bukit Jalil juga menasihati pelajar-pelajar baharu supaya sentiasa aktif berpersatuan untuk meningkatkan soft skills masing-masing. Menurut Kapten Faiz, hal ini sangat penting sebagai persiapan awal sebelum memasuki dunia pekerjaan yang penuh cabaran.

## UKM DI BUMI SERAMBI MEKAH



Seminar Internasional dan Pelantikan Pengurus Ikatan Alumni Universiti Kebangsaan Malaysia (IKA UKM) Chapter Aceh 2018-2022 telah berlangsung pada 20 Oktober 2018 (Sabtu) di Banda Aceh, Indonesia. Program ini telah dihadiri oleh Ybng. Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia. Naib Canselor UKM juga telah menerima jemputan makan tengah hari oleh perwakilan Gubernur Aceh di restoran Pendopo Gubernur dan jemputan makan malam di Pendopo Wali Kota yang juga dihadiri oleh Wali kota Banda Aceh iaitu Aminullah Usman. Ketua IKA UKM Chapter Aceh, Zulkifli Daod berharap agar hubungan baik antara UKM dan Banda Aceh akan terus terjalin untuk memastikan pekongsian ilmu dalam pelbagai bidang pada masa akan datang. Beliau juga menyatakan bahawa 250 alumni UKM yang berada di Banda Aceh akan terus berbakti demi kemajuan Aceh. Naib Canselor UKM dalam lawatannya juga sempat menyampaikan kuliah umum yang bertajuk "Universiti Abad ke-21: Mendahului Masyarakat dan Zaman" kepada lebih 300 orang peserta yang hadir.

## MAJLIS PERJUMPAAN ALUMNI SULUNG UKM



Majlis Perjumpaan Alumni Sulung UKM telah diadakan pada 13 Oktober 2018 di kediaman Dr. Zahari Abu Bakar & Puan Noraihan Jamaludin. Seramai lebih kurang 40 alumni telah hadir ke program tersebut. Alumni sulung UKM ini merupakan kumpulan pertama yang mendaftar sebagai pelajar UKM dan telah tamat pengajian pada tahun 1973.